



**Circular No 397/2021  
Dated 4 Oct 2021**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

**Operation of Law Firms under the National Recovery Plan**

We refer to [Circular No 282/2021](#) entitled “Update (15 July 2021) | Operation of Law Firms — BHEUU FAQs” dated 15 July 2021.

Please refer to the following updated Standard Operating Procedures (“SOPs”) from the Legal Affairs Division of the Prime Minister’s Department (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, “BHEUU”), which law firms are required to comply with:

- (1) SOPs for law firms under [Phase Two](#) of the National Recovery Plan (“NRP”) (Pelan Pemulihan Negara) dated 29 Sept 2021 (see pages 2 and 3);
- (2) SOPs for law firms under [Phase Three](#) of the NRP dated 29 Sept 2021 (see pages 4 and 5); and
- (3) SOPs for law firms under [Phase Four](#) of the NRP dated 29 Sept 2021 (see pages 6 and 7).

In addition, BHEUU has prepared a list of [Frequently-Asked-Questions \(“FAQs”\)](#) relating to the SOPs, to assist Members (see pages 8 to 13).

Should you have any enquiries regarding the SOPs, please contact BHEUU by telephone at 03-8885 1234 / 1032 / 1219 from 8:00 am to 5:00 pm, Monday to Friday (excluding public holidays), or send an email to [rayuan.pkpguaman@bheuu.gov.my](mailto:rayuan.pkpguaman@bheuu.gov.my).

We hope that the information provided here is of assistance to Members. We will update Members as and when there are new developments.

Thank you.

**Shahareen Begum  
Secretary  
Malaysian Bar**



# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 2

## SOP PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Dikemaskini pada 29 September 2021

### Merangkumi

- Firma guaman
- Pesuruhjaya Sumpah

### Aktiviti Yang Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah Aktiviti yang Tidak Dibenarkan di SOP PPN Fasa 2.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P .U. (A) 293/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**Waktu Berkuatkuasa**

Waktu Operasi Biasa

**Kapasiti Pekerja**

Kehadiran:

- 80% sekiranya kurang 80% kakitangan lengkap divaksin
- 100% sekiranya lebih 80% kakitangan lengkap divaksin

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
<ol style="list-style-type: none"> <li>Semua Perkhidmatan Guaman</li> <li>Pesuruhjaya Sumpah</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebenaran beroperasi perlu dipohon melalui portal <i>COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0</i>.</li> <li>• Keputusan permohonan kebenaran untuk beroperasi perlu disemak melalui portal <i>CIMS</i>.</li> <li>• Surat kebenaran dari pihak MITI boleh dicetak dari portal <i>CIMS</i> sekiranya permohonan diluluskan.</li> </ul>
<p>Aplikasi MySejahtera</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik firma guaman diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pekerja dan pelanggan/ anak guam yang memasuki premis.</li> <li>• Pekerja dan pelanggan / anak guam diwajibkan merekodkan kehadiran melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon secara manual sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).</li> </ul>



# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 2

## SOP PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Dikemaskini pada 29 September 2021

### Merangkumi

- Firma guaman
- Pesuruhjaya Sumpah

**Waktu Berkuatkuasa**

Waktu Operasi Biasa

**Kapasiti Pekerja**

Kehadiran:

- 80% sekiranya kurang 80% kakitangan lengkap divaksin
- 100% sekiranya lebih 80% kakitangan lengkap divaksin

### Aktiviti Yang Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah Aktiviti yang Tidak Dibenarkan di SOP PPN Fasa 2.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P .U. (A) 293/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

### Aktiviti

### Penerangan Ringkas

Kehadiran pekerja dan pelawat ke premis firma guaman

- Saringan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema dan susah bernafas perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.
- Tidak membenarkan pekerja dan pelawat yang mempunyai gejala dan/atau suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius untuk masuk ke premis dan pekerja dinasihati untuk mendapat rawatan di fasiliti kesihatan.
- Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis.



# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3

## SOP PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Dikemaskini pada 29 September 2021

### Merangkumi

- Firma guaman
- Pesuruhjaya Sumpah

### Aktiviti Yang Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah Aktiviti yang Tidak Dibenarkan di SOP PPN Fasa 3.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P .U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

Waktu Operasi Biasa

Kapasiti Pekerja

Kehadiran:

- 80% sekiranya kurang 80% kakitangan lengkap divaksin
- 100% sekiranya lebih 80% kakitangan lengkap divaksin

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
<ol style="list-style-type: none"> <li>Semua Perkhidmatan Guaman</li> <li>Pesuruhjaya Sumpah</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebenaran beroperasi perlu dipohon melalui portal <i>COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0</i>.</li> <li>• Keputusan permohonan kebenaran untuk beroperasi perlu disemak melalui portal <i>CIMS</i>.</li> <li>• Surat kebenaran dari pihak MITI boleh dicetak dari portal <i>CIMS</i> sekiranya permohonan diluluskan.</li> </ul>
<p>Aplikasi MySejahtera</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik firma guaman diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pekerja dan pelanggan/ anak guam yang memasuki premis.</li> <li>• Pekerja dan pelanggan/ anak guam diwajibkan merekodkan kehadiran melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon secara manual sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).</li> </ul>



# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3

## SOP PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Dikemaskini pada 29 September 2021

### Merangkumi

- Firma guaman
- Pesuruhjaya Sumpah

Waktu Berkuatkuasa

Waktu Operasi Biasa

Kapasiti Pekerja

Kehadiran:

- 80% sekiranya kurang 80% kakitangan lengkap divaksin
- 100% sekiranya lebih 80% kakitangan lengkap divaksin

### Aktiviti Yang Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah Aktiviti yang Tidak Dibenarkan di SOP PPN Fasa 3.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P .U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kehadiran pekerja dan pelawat ke premis firma guaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saringan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema dan susah bernafas perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.</li> <li>• Tidak membenarkan pekerja dan pelawat yang mempunyai gejala dan/atau suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius untuk masuk ke premis dan pekerja dinasihati untuk mendapat rawatan di fasiliti kesihatan.</li> <li>• Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis.</li> </ul>



# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 4

## SOP PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Dikemaskini pada 29 September 2021

### Merangkumi

- Firma guaman
- Pesuruhjaya Sumpah

### Aktiviti Yang Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah Aktiviti yang Tidak Dibenarkan di SOP PPN Fasa 4.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P .U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

Waktu Operasi Biasa

Kapasiti Pekerja

Kehadiran: 100% pekerja (Pengurusan & Sokongan)

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua Perkhidmatan Guaman</li> <li>2. Pesuruhjaya Sumpah</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebenaran beroperasi perlu dipohon melalui portal <i>COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0</i>.</li> <li>• Keputusan permohonan kebenaran untuk beroperasi perlu disemak melalui portal <i>CIMS</i>.</li> <li>• Surat kebenaran dari pihak MITI boleh dicetak dari portal <i>CIMS</i> sekiranya permohonan diluluskan.</li> </ul>
Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik firma guaman diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pekerja dan pelanggan/ anak guam yang memasuki premis.</li> <li>• Pekerja dan pelanggan/ anak guam diwajibkan merekodkan kehadiran melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon secara manual sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).</li> </ul>



# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 4

## SOP PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Dikemaskini pada 29 September 2021

### Merangkumi

- Firma guaman
- Pesuruhjaya Sumpah

### Aktiviti Yang Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah Aktiviti yang Tidak Dibenarkan di SOP PPN Fasa 4.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P .U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

Waktu Operasi Biasa

Kapasiti Pekerja

Kehadiran: 100% pekerja (Pengurusan & Sokongan)

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kehadiran pekerja dan pelawat ke premis firma guaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saringan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema dan susah bernafas perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.</li> <li>• Tidak membenarkan pekerja dan pelawat yang mempunyai gejala dan/atau suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius untuk masuk ke premis dan pekerja dinasihati untuk mendapat rawatan di fasiliti kesihatan.</li> <li>• Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis.</li> </ul>



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**  
**SOP PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN**  
**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Adakah firma guaman dan Pesuruhjaya Sumpah dibenarkan beroperasi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN)?

Firma guaman dan Pesuruhjaya Sumpah dibenarkan beroperasi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

2. Siapakah yang boleh memohon kebenaran beroperasi dalam perkhidmatan guaman?

Semua firma guaman dan Pesuruhjaya Sumpah boleh memohon kebenaran beroperasi.

3. Bagaimanakah firma guaman boleh mendapatkan surat kebenaran beroperasi?

Semua firma guaman perlu memohon kebenaran beroperasi melalui portal *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0*. Keputusan permohonan kebenaran untuk beroperasi perlu disemak melalui portal CIMS dan surat kebenaran dari pihak MITI boleh dicetak dari portal CIMS setelah permohonan diluluskan.

4. Bagaimanakah cara memohon di dalam CIMS MITI?

Sila layari tutorial cara memohon melalui sistem CIMS melalui pautan berikut:  
<https://www.miti.gov.my/redir/pkp/cims.html>

5. Berapa lamakah tempoh kelulusan beroperasi akan diproses oleh Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang?

Keputusan permohonan kebenaran untuk beroperasi boleh disemak melalui portal CIMS dalam tempoh 24 jam selepas permohonan berjaya dihantar.



**6. Adakah surat kebenaran yang diperolehi melalui MITI sebelum ini boleh digunapakai?**

Surat kebenaran MITI yang diperolehi sebelum 1 Jun 2021 (PKP 3.0) tidak boleh digunakan dan semua firma guaman perlu mengemukakan permohonan baharu bagi mendapatkan surat kebenaran MITI melalui sistem CIMS 3.0.

**7. Jika firma guaman telah mengemukakan permohonan melalui portal CIMS pada bulan Jun 2021 dan masih belum mendapat sebarang maklum balas. Adakah mereka masih perlu memohon semula?**

Ya, semua firma guaman yang belum menerima maklum balas untuk permohonan/rayuan yang telah dikemukakan sebelum ini, perlu memohon semula, begitu juga dengan permohonan yang telah ditolak.

**8. Apakah sebab-sebab permohonan kebenaran beroperasi DITOLAK?**

Permohonan kebenaran beroperasi firma guaman DITOLAK kerana:

- i. Jika firma bukan sebuah firma guaman atau Pesuruhjaya Sumpah;
- ii. Firma guaman tidak aktif setelah semakan dibuat dengan Majlis Peguam Malaysia; ATAU
- iii. Pesuruhjaya Sumpah telah tamat tempoh perkhidmatan.

**9. Sekiranya permohonan ditolak, adakah pemohon boleh memohon semula?**

Ya, firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah boleh memohon semula selepas memastikan isu (ii) atau (iii) di atas berjaya diselesaikan.

**10. Saya telah membuat permohonan dan permohonan saya telah di LULUSKAN. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat mencetak surat kelulusan kerana terdapat 'Perkhidmatan anda tidak tersenarai dalam perkhidmatan perlu'.**

Walaupun permohonan firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah telah diberi kelulusan oleh pegawai pengesah namun sistem tidak dapat menjana surat kelulusan kerana firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah tidak mengisi kesemua ruangan di bahagian 'KLUSTER AKTIVITI EKONOMI' iaitu pemilihan salah satu SUB SEKTOR.

Sehubungan itu, sila kemukakan permohonan baharu dan pastikan semua ruangan berkenaan diisi, terutamanya pemilihan satu (1) sub sektor dari senarai sub sektor yang ditunjuk dalam *drop down menu*.

**11. Bilakah surat kebenaran beroperasi yang diperoleh melalui sistem CIMS MITI diperlukan dalam fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN)?**

Surat kebenaran beroperasi CIMS diperlukan dalam fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara seperti berikut:

Kawasan	Kawalan Pergerakan
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 1)	<p>Rentas daerah (berdasarkan sempadan daerah ditetapkan Kerajaan Negeri) dan negeri <b><u>tidak dibenarkan</u></b> kecuali individu yang telah diluluskan pergerakan oleh KKM dan PDRM.</p> <p>Surat kelulusan CIMS yang diperoleh adalah bagi tujuan pengoperasian pejabat sahaja dan peguam tidak dibenarkan untuk turun ke padang.</p>
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 2)	<p>Rentas daerah dan negeri <b><u>tidak dibenarkan</u></b> kecuali bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin dengan mengemukakan Kad/Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan/pasport sebagai pembuktian.</p> <p>(*Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya dijadikan satu kawasan jangkitan yang sama)</p> <p>Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada surat kelulusan CIMS.</p>
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 3)	<p>Rentas daerah dalam negeri yang sama <b><u>dibenarkan</u></b>.</p> <p>Pergerakan pekerja merentas negeri adalah tertakluk kepada surat kelulusan CIMS.</p>
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 4)	<p>Rentas negeri dibenarkan antara negeri Fasa 4 sahaja.</p> <p>Pergerakan pekerja merentas negeri ke negeri Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 adalah tertakluk kepada surat kelulusan CIMS.</p>
Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan	<p>Surat kelulusan CIMS yang diperoleh adalah bagi tujuan pengoperasian pejabat sahaja dan peguam tidak dibenarkan untuk turun ke padang.</p>

## 12. Apakah had waktu operasi yang dikenakan untuk firma guaman?

Had waktu beroperasi mengikut kawasan adalah seperti berikut:

Kawasan	Waktu beroperasi
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 1)	Waktu bekerja biasa
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 2)	Waktu bekerja biasa
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 3)	Waktu bekerja biasa
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 4)	Waktu bekerja biasa
Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan	9.00 pagi-1.00 tengahari

## 13. Apakah kapasiti pekerja yang dibenarkan untuk bekerja di pejabat firma guaman?

Kapasiti pekerja yang dibenarkan untuk bekerja di pejabat firma guaman adalah seperti berikut :

Kawasan	Kapasiti Pekerja
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 1)	60%
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 2)	a) <b>80%</b> sekiranya kurang 80% kakitangan lengkap divaksin
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 3)	b) <b>100%</b> sekiranya lebih 80% kakitangan lengkap divaksin
Pelan Pemulihan Negara (Fasa 4)	100%
Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan	2 orang atau 20% kapasiti keseluruhan

## 14. Bagaimanakah pergerakan bagi kakitangan yang berada dalam kawasan PKPD ke firma guamannya yang berada di luar kawasan PKPD?

Pergerakan kakitangan yang berada dalam kawasan PKPD adalah tertakluk kepada SOP PKPD yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**15. Adakah firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah dibenarkan untuk berurusan dengan anak guam?**

Anak guam boleh ke firma sekiranya mempunyai urusan yang memerlukan kehadiran fizikal, namun BHEUU mencadangkan agar temu janji dibuat agar mengurangkan bilangan orang di firma. Semua firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah adalah dipohon untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dan kehadiran anak guam ke firma hanya sekiranya benar-benar perlu.

**16. Bagaimanakah anak guam dapat hadir ke pejabat? Adakah mereka boleh menggunakan surat yang dikeluarkan oleh firma guaman?**

Sekiranya melibatkan pergerakan merentas negeri, anak guam perlu mendapatkan kebenaran pergerakan daripada pihak PDRM. Dalam hubungan ini, surat daripada firma guaman boleh dikemukakan sebagai dokumen sokongan.

**17. Adakah firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah perlu mencetak semula surat MITI CIMS selaras dengan Pelan Pemulihan Negara?**

Firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah yang telah diberi kebenaran beroperasi bermula 1 Jun 2021 boleh memuat turun/mencetak semula (*reprint*) surat baharu CIMS 3.0 bermula 5 Julai 2021.

**18. Apakah antara tanggungjawab pemilik firma guaman dalam mencegah penularan COVID-19?**

Sila rujuk SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Fasa 4 yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**19. Apakah tindakan yang boleh diambil kepada firma guaman yang tidak mematuhi SOP PPN Perkhidmatan Berkaitan Guaman?**

BHEUU ingin menegaskan kewajipan dan kebertanggungjawaban firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah untuk mematuhi arahan PPN dan SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pihak berkuasa akan menjalankan penguatkuasaan secara berkala di sepanjang tempoh PPN ke atas firma guaman/Pesuruhjaya Sumpah untuk memastikan pematuhan SOP dan akan mengambil tindakan mengkompaun kesalahan selaras dengan Seksyen 25, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342). Majikan yang didapati melanggar dan tidak mematuhi SOP akan dikenakan tindakan undang-undang termasuk menutup premis berkenaan.

**20. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?**

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai SOP Guaman boleh dikemukakan kepada talian 03-8885 1234/1032/1219 atau emel [rayuan.pkpguaman@bheuu.gov.my](mailto:rayuan.pkpguaman@bheuu.gov.my)

**21. Adakah Pesuruhjaya Sumpah dalam kawasan PKPD dibenarkan beroperasi?**

Pesuruhjaya Sumpah yang berada di dalam kawasan PKPD **tidak dibenarkan beroperasi** selaras dengan SOP PKPD Negeri/lokaliti yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**22. Adakah Peguam Syarie boleh memohon kebenaran beroperasi daripada pihak BHEUU melalui sistem CIMS 3.0?**

Kebenaran beroperasi daripada BHEUU melalui Sistem CIMS 3.0 adalah bagi peguam yang berdaftar dengan Majlis Peguam Malaysia. Peguam Syarie dinasihatkan untuk berhubung dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk maklumat lanjut.

**Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang  
Jabatan Perdana Menteri  
29 September 2021**